



- aktiviti
mei & jun

Penyatuan akal dan hati menjadi
penggerak **langkah ke hadapan.**

Suara ePerolehan



Lawatan Delegasi Afghanistan ke Unit ePerolehan



Seramai 16 ahli delegasi Pegawai Kewangan Awam dan Pentadbiran Kementerian Pertanian Pengairan dan Ternakan Afghanistan telah melawat Kementerian Kewangan pada 22 Mei 2012 sepanjang lawatan sembilan hari bermula 15 hingga 23 Mei 2012. Kehadiran delegasi dari benua kecil Asia ini dibiayai sepenuhnya oleh Amerika Syarikat dengan tujuan menimba ilmu aplikasi Internet di Malaysia.

Membandingkan teknologi di negara sendiri, ketua delegasi Noor M Seddiq memaklumkan bahawa teknologi Internet di Malaysia adalah lebih maju berbanding negaranya. Afghanistan masih lagi menghadapi isu infrastruktur di mana Internet berkelajuan 2mb terpaksa dikongsi bersama 200 orang.



Taklimat sistem ePerolehan disampaikan oleh wakil Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) En. Mohd Hafidz Zehnun memaklumkan delegasi Afghanistan mengenai model perniagaan pembangunan Sistem ePerolehan dan modul-modul dalam sistem ePerolehan. Delegasi Afghanistan menyatakan rasa kagum kepada tahap sistem ePerolehan dilaksanakan kerana di negara mereka, Internet masih sukar untuk diperoleh dan infrastruktur juga masih di tahap yang rendah.

Turut hadir dalam sesi taklimat ini ialah Timbalan Pengarah Unit ePerolehan, Pn. Nor'Aini Abdul Razak dan juga wakil CDCSB En. Azizul Ariffin Amir Hashim. Lawatan ini dilihat sebagai satu platform untuk mengwar-warkan sistem ePerolehan di mata dunia di samping berkongsi pengalaman dengan negara lain mengenai tahap pencapaian teknologi di negara ini.



China kagum dengan Sistem ePerolehan

Lawatan Perwakilan Bandaraya Beijing ke Unit eP

Pada 13 Jun 2012 yang lalu, Unit ePerolehan amat berbesar hati menerima kunjungan perwakilan dari Bandaraya Beijing bertujuan meneroka dan bertukar-tukar pengetahuan mengenai sistem perolehan elektronik yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia. Kedatangan delegasi ini telah disambut oleh YBhg. Dato' Abd. Shukor bin Ibrahim, Pengarah Projek Perolehan Elektronik diiringi timbalannya, Pn. Nor'Aini binti Abdul Razak serta pegawai-pegawai Unit ePerolehan.

Walaupun Negara China adalah sebuah negara yang lebih maju dalam aspek e-dagang dan sistem perniagaan internet, namun para perwakilan Bandaraya Beijing tetap terpegun dengan keunikan sistem ePerolehan. Menurut perwakilan tersebut, sistem yang dibangunkan dan disediakan dalam ePerolehan merangkumi pelbagai ciri unik yang membezakannya dengan sistem perolehan yang lain.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha Perbandaran, Kerajaan Beijing merangkap ketua delegasi, Zhu Yan, ciri-ciri yang paling menarik dan unik dalam ePerolehan ialah kaedah pembayaran terus kepada akaun pembekal. "Selama ini kami tidak pernah langsung terfikir untuk membuat pembayaran kepada pembekal secara terus ke akaun simpanan mereka. Ciri ini adalah sangat bijak dan kami amat kagum dengan sistem ePerolehan" katanya selepas diberi taklimat oleh Unit ePerolehan dan Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB). Beliau juga bersetuju bahawa ciri ini bukan sahaja mengurangkan kos malah turut menjimatkan masa.

Sesi taklimat kepada delegasi ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh YBhg. Dato'

Abd. Shukor bin Ibrahim diikuti dengan taklimat pengenalan sistem ePerolehan oleh Pn. Nurshafina binti Mohd Yusoff dari Unit ePerolehan. Taklimat seterusnya diberikan oleh Lee Ming Ming dari Unit Teknologi, CDCSB yang menerangkan penggunaan sistem ePerolehan.

Lebih membanggakan lagi program lawatan ini merupakan satu pengiktirafan oleh negara luar tentang kejayaan pembangunan sistem ICT dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan. Lebih manis lagi pengiktirafan tersebut datang daripada sebuah bandaraya maju seperti Beijing, China yang memiliki populasi lebih 20 juta penduduk.

ePerolehan Tarik Perhatian Rakyat Kelantan



Gerai Kementerian Kewangan yang diselia oleh kakitangan unit ePerolehan dan kakitangan kementerian kewangan sendiri, yang disokong CDCSB menjadi buah mulut dikalangan pengunjung di majlis pelancaran Rural Transformation Centre atau Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Wakaf Che Yah pada hari Jumaat, 4 Mei yang lalu. Mereka membanjiri kiosk untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sistem ePerolehan serta faedahnya.



Berdasarkan sambutan hangat yang diberikan, kira-kira 70,000 orang pengunjung turut melawat RTC Wakaf Che Yeh pada hari pelancaran apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abd Razak merasmikan karnival di sekitar 4.30 petang pada hari itu. Selain itu, bagi Kementerian Kewangan dan Unit ePerolehan, dianggarkan seramai hampir 2,000 pelawat telah mengunjungi kiosk pada ketiga-tiga hari acara ini yang bermula pada 3 Mei .

Dikendalikan oleh kakitangan Kementerian Kewangan, Unit ePerolehan dan eP Centre Kota Bharu, mereka telah bekerjasama sebagai satu pasukan untuk mengendali pertanyaan daripada pengunjung di gerai. Ramai yang bertanyakan soalan mengenai sistem ePerolehan dimana majoriti daripada mereka masih tidak sedar wujudnya aplikasi perolehan elektronik berasaskan web.

Menyaksikan bilangan pelawat dan respons pengunjung yang menggalakkan, ia adalah jelas bahawa acara seperti karnival RTC adalah salah satu langkah yang sesuai yang boleh memberi pendedahan tambahan bagi ePerolehan dalam keadaan yang lebih berkesan. Ianya bukan sahaja telah mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam tetapi juga menarik potensi perniagaan untuk menjadi pembekal eP kepada Kerajaan.

Antara kenamaan yang turut melawat gerai Kementerian Kewangan adalah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Tan Sri Abu Bakar Abdullah. Kehadiran beliau disambut mesra oleh Pengarah Projek Perolehan Elektronik Kementerian Kewangan, YBhg. Dato' Abd. Shukor bin Ibrahim.



eWORLD 2012 AWARDS

BEST TELECENTRE INITIATIVE
OF THE YEAR

Sistem ePerolehan berjaya memenangi *eWorld 2012 Awards – Best Telecentre Initiative Of The Year* bagi inisiatif eP Centre sekali gus diumumkan sebagai penerima *eWorld Public Choice Award* bagi *eWorld 2012 Awards*. Kejayaan ini berkat usaha gigih semua pihak termasuk semua Kementerian, para pembekal dan warga kerja Unit ePerolehan dan CDCSB, justeru eP Centre berjaya mendapat anugerah tersebut. Anugerah telah dimaklumkan secara rasmi pada satu Acara Gala bertempat di Hotel LeMeridien New Delhi, India pada 15 Jun 2012 yang lalu. Anugerah adalah berbentuk trofi dan sijil. Ini merupakan penyertaan kali kedua Sistem eP dalam eWorld Award selepas memenangi kategori *Best Practices in Electronic Delivery Services (EDS)* bagi projek Sijil *Virtual* untuk Pendaftaran Pembekal pada tahun 2011.

Centre for Science, Development and Media Studies (CSDMS) dan Elets Technomedia Private Limited dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Komunikasi dan Teknologi Maklumat serta Bahagian Sains Teknologi, Kerajaan India telah menganjurkan eWorld 2012 Awards pada bulan Mei 2012. Organisasi Kerajaan, Bukan Kerajaan (NGOs), organisasi pembangunan bilateral dan multi-lateral, institusi swasta atau enterprise telah dipelawa mencalonkan projek masing-masing bagi menyertai pertandingan ini yang terbahagi kepada dua jenis anugerah iaitu eWorld Public Choice Award dan eWorld Jury Choice Award. Anugerah ini menjadi platform dan galakan supaya penggunaan ICT menjadi alat dalam membantu penyelesaian masalah tadbir urus dan menjadikan organisasi Kerajaan lebih responsif, efektif serta berorientasikan rakyat.

eWorld Award 2012 telah menerima sebanyak 48 pencalonan bagi 13 kategori yang dipertandingkan. Undian yang direkodkan keseluruhannya adalah sebanyak 13,200 dari seluruh dunia. Bagi kategori Best Telecenter Initiative of The Year, sebanyak tiga projek dari tiga negara telah melepasi penilaian 'in-house review' mengikut kriteria yang ditetapkan dan layak untuk dipertandingkan secara undian atas talian (*online voting*). Antara projek lain di bawah kategori ini termasuklah The Philippine eCentre Community Program dari negara Filipina dan Akshya Telecenter dari negara India.

Anugerah ini secara langsung telah menaikkan imej Kementerian Kewangan di kaca mata dunia dalam pembangunan ICT bagi meningkatkan urusan tadbir urus serta menjadikan organisasi Kerajaan lebih responsif, efektif dan berorientasikan rakyat.

eWORLD 2012 AWARDS

15 - 16 June, 2012, Le Méridien, New Delhi

We are honoured to confer on

ePerolehan Centre

The Award in

Best Telecentre Initiative of the Year


Citation

ePerolehan Centre enjoys the distinction of being the first telecentre in the world that is dedicated supporting the implementation of the government's electronic procurement services. Established to support the implementation of the Malaysian Government's electronic procurement programme, the ePerolehan Centre acts as an online virtual marketplace for procurement of goods and services by government agencies. It encompasses all types of procurement processes including the registration process for suppliers.



M P Narayanan
President
Centre for Science, Development and Media Studies

CSDMS
knowledge for change



Ravi Gupta
CEO, Elets Technomedia Pvt Ltd

elets

eWorld Forum 2012 is an initiative of Elets Technomedia Pvt Ltd (www.eletsonline.com)



MERCU TANDA ePEROLEHAN BERTARAF DUNIA

ePerolehan Centre
berjaya memenangi anugerah

eWORLD 2012
AWARDS
Best Telecentre Initiative of the Year

Terima kasih kepada yang mengundi



Pencapaian Pelaksanaan Sistem ePerolehan






Ramai orang impikan **kejayaan.**
manakala yang lain **bangun**
dan **bekerja keras.**


Pelaksanaan Sist sehingga 30 Jun 2012

Kedudukan Pencapaian dan Sasaran 2012 Berbanding Pencapaian 2012 (Bulanan)



tem ePerolehan

Kedudukan Pencapaian dan Sasaran 2012 Berbanding Pencapaian 2011 (Kumulatif)



PENGGUNAAN MODUL ePEROLEHAN (DP, MC, CC, Q, T & eBIDDING) KEMENTERIAN DARI TAHUN 2000 SEHINGGA 30 JUN 2012

No.	KEMENTERIAN	Sebut Harga		Tender		eBidding			
		Bil Transaksi	Nilai Transaksi (RM)	Bil Transaksi	Nilai Transaksi (RM)	Bil Transaksi	Nilai Transaksi (RM)		
1	JABATAN PERDANA MENTERI	408,314	3,256,278,350	1,095	291,089,180	302	1,277,764,566	284	144,864,936
2	KEM BELIA & SUKAN	83,428	615,851,071	161	40,546,417	98	321,299,417	9	12,635,707
3	KEM DALAM NEGERI	579,738	9,862,309,696	748	212,176,693	330	902,363,732	135	232,590,023
4	KEM KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH	92,503	718,655,022	560	107,115,598	31	59,262,879	158	70,372,312
5	KEM KERJA RAYA	71,944	401,977,690	83	24,870,017	26	60,168,306	32	28,141,350
6	KEM KESIHATAN MALAYSIA	1,589,041	13,625,127,082	480	96,127,715	332	2,284,260,735	182	80,307,775
7	KEM KEWANGAN	182,897	1,272,071,734	346	89,679,251	72	238,795,016	71	65,670,440
8	KEM LUAR NEGERI	15,414	125,066,113	10	1,683,957	1	1,200,000	12	8,308,308
9	KEM PELAJARAN	513,237	5,628,338,856	544	121,562,375	395	7,410,909,341	78	44,135,535
10	KEM PELANCONGAN	21,076	225,354,980	61	18,573,016	9	12,458,712	16	5,324,926
11	KEM PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT	67,204	629,575,145	142	33,467,199	43	125,676,185	18	18,633,569
12	KEM PENERANGAN, KOMUNIKASI & KEBUDAYAAN	155,852	1,424,721,483	223	44,701,636	39	82,995,200	36	20,541,444
13	KEM PENGAJIAN TINGGI	113,669	1,186,067,777	889	196,707,842	96	300,206,820	60	121,249,119
14	KEM PENGANGKUTAN	81,962	860,449,510	226	45,751,594	34	132,557,004	48	15,325,649
15	KEM PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI	16,302	111,326,002	48	14,861,869	14	23,598,769	12	3,976,618
16	KEM PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI & KEPENGGUNAAN	36,781	297,434,506	24	5,685,901	1	211,786,357	14	7,868,991
17	KEM PERTAHANAN	367,094	7,732,486,792	751	100,743,726	143	494,139,201	128	163,740,506
18	KEM PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA	170,585	1,524,227,024	444	82,575,343	109	382,982,337	46	49,064,719
19	KEM PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN	125,671	1,270,335,707	346	85,054,888	94	456,887,766	55	31,558,615
20	KEM PERUSAHAAN PERLADANGAN & KOMODITI	5,763	26,290,807	11	1,409,959	2	1,316,304	9	2,811,067
21	KEM SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI	56,459	452,875,384	382	84,332,516	58	130,644,348	100	35,798,679
22	KEM SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR	103,079	779,343,294	314	70,631,617	109	292,513,933	75	19,002,641
23	KEM SUMBER MANUSIA	89,925	904,849,979	583	116,563,962	96	339,509,211	28	16,541,714
24	KEM TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU & AIR	7,069	43,758,376	42	9,453,603	4	36,658,926	10	4,843,521
25	KEM WILAYAH PERSEKUTUAN & KESEJAHTERAAN BANDAR	10,559	72,177,296	64	15,434,876	2	1,426,375	3	1,277,785
Jumlah Keseluruhan		4,965,565	53,046,949,677	8,576	1,910,800,752	2,440	15,581,381,441	1,619	1,204,585,949

STATISTIK 'eP ENABLEMENT' DAN TRANSAKSI BAGI TAHUN 2012

No.	Bulan	Pengurusan eP enabled		LPO (CC/DP/MC)		Sebut Harga		Tender		eBidding	
				Bilangan	Nilai (RM juta)	Bilangan	Nilai (RM juta)	Bilangan	Nilai (RM juta)	Bilangan	Nilai (RM juta)
1	Januari	2,613	75,162	47,745	568,059,955	116	30,339,386	45	177,526,949	46	45,980,473
2	Februari	2,618	75,200	117,094	958,859,285	270	59,168,167	51	140,871,951	89	37,920,895
3	Mac	2,623	75,666	133,790	1,195,813,380	283	69,841,151	90	460,543,395	106	29,520,779
4	April	2,600	75,874	119,485	1,063,509,833	333	69,448,535	71	213,482,590	74	24,683,792
5	Mei	2,604	76,108	135,442	1,101,725,496	411	86,623,748	67	235,453,998	91	38,527,136
6	Jun	2,602	76,331	118,381	1,084,312,282	296	69,086,577	73	254,608,179	54	25,639,073
Jumlah		15,660	454,341	671,937	5,972,280,231	1,709	384,507,564	397	1,482,487,063	460	202,272,148

LAPORAN PENJIMATAN eBIDDING PADA TAHUN 2012 SEHINGGA BULAN JUN 2012

Jumlah Keseluruhan Tahun 2012 (Jan hingga Jun)

No.	KEMENTERIAN	Bil	Anggaran	Nilai Bidaan Akhir	Nilai Penjimatan (RM)	%
1	KEM PERTAHANAN	2	350,000.00	132,920.00	217,080.00	62%
2	KEM PERUSAHAAN PERLADANGAN & KOMODITI	3	1,033,467.04	698,261.12	335,205.92	32%
3	KEM PELAJARAN	13	1,673,674.14	1,160,784.00	512,890.14	31%
4	KEM TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU & AIR	3	974,800.00	700,985.00	273,815.00	28%
5	JABATAN PERDANA MENTERI	47	20,787,345.56	15,278,508.29	5,508,837.27	27%
6	KEM PENGANGKUTAN	15	4,046,300.79	3,003,796.30	1,042,504.49	26%
7	KEM LUAR NEGERI	3	1,208,000.00	900,724.80	307,275.20	25%
8	KEM SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR	15	4,691,854.80	3,509,809.20	1,182,045.60	25%
9	KEM PENGAJIAN TINGGI	7	1,215,095.00	917,777.20	297,317.80	24%
10	KEM BELIA & SUKAN	1	254,919.70	193,008.00	61,911.70	24%
11	KEM KESIHATAN MALAYSIA	61	14,067,494.59	10,736,667.95	3,330,826.64	24%
12	KEM KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH	21	4,782,226.76	3,671,745.93	1,110,480.83	23%
13	KEM DALAM NEGERI	17	3,829,025.00	2,940,046.05	888,978.95	23%
14	KEM SUMBER MANUSIA	9	1,729,475.00	1,335,517.40	393,957.60	23%
15	KEM PENERANGAN, KOMUNIKASI & KEBUDAYAAN	2	249,000.00	202,934.50	46,065.50	19%
16	KEM KERJA RAYA	2	1,632,120.00	1,342,726.00	289,394.00	18%
17	KEM KEWANGAN	6	694,092.00	584,851.98	109,240.02	16%
18	KEM SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI	5	1,316,333.00	1,111,537.02	204,795.98	16%
19	KEM PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI	3	1,200,000.00	1,082,894.00	117,106.00	10%
20	KEM PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA	7	1,323,941.60	1,259,974.00	63,967.60	5%
21	KEM PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT	2	360,000.00	352,131.60	7,868.40	2%
22	KEM PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN	1	1,299,506.93	1,335,552.00	(36,045.07)	-3%
23	KEM PELANCONGAN	-	-	-	-	
24	KEM PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI & KEPENGUNAAN	-	-	-	-	
25	KEM WILAYAH PERSEKUTUAN & KESEJAHTERAAN BANDAR	-	-	-	-	
Jumlah Keseluruhan		245	68,718,671.91	52,453,152.34	16,265,519.57	24%

Berusaha bukan sahaja untuk mencapai **kejayaan**, tetapi menghasilkan sesuatu yang **bernilai**.



STATISTIK AKTIVITI PTJ eP ENABLE DARI TAHUN 2000 SEHINGGA 30 JUN 2012

	Jumlah PTJ yang telah dikenalpasti (mempunyai data yang lengkap) (1)	eP enabled (2)	Guna eP (3)	Peratus eP enabled (4) [2/1]	Peratus Guna eP (4) [2/1]
Semenanjung Malaysia	1,988	1,988	1,975	100.0%	99%
Lembah Kelang	602	602	597	100.0%	99%
Luar Lembah Kelang	1,386	1,386	1378	100.0%	99%
Sabah, Sarawak & Labuan	1,988	1,988	1,975	100.0%	99%
Sabah	241	241	237	100.0%	98%
Sarawak	324	324	314	100.0%	97%
Labuan	49	49	49	100.0%	100%
PTJ Di Seluruh Negara	2,602	2,602	2,575	100.0%	99%

STATISTIK AKTIVITI PEMBEKAL eP ENABLE SEHINGGA 30 JUN 2012

Status Pembekal

Jumlah

Pembekal sah sijil pendaftaran
Pembekal eP enable

111,372
76,331

ZON	NEGERI	Pembekal Aktif Berdaftar	Pembekal eP Enabled	Peratusan
Lembah Kelang (LK)	Putrajaya	199	150	75%
	Kuala Lumpur	13,499	9,878	73%
	Selangor	31,860	22,425	70%
	Jumlah LK	45,508	32,453	71%
Luar Lembah Kelang (LK)	Pertlis	1,414	1,051	74%
	Kelantan	5,193	3,684	71%
	Terengganu	6,142	4,341	71%
	Perak	7,805	5,348	69%
	Negeri Sembilan	3,992	2,735	69%
	Melaka	3,554	2,373	67%
	Johor	10,729	6,874	64%
	Pahang	6,168	3,825	62%
	Kedah	6,039	3,693	61%
	Pulau Pinang	4,598	2,805	61%
Jumlah LK	55,634	36,729	66%	
Malaysia Timur (MT)	Labuan	324	267	82%
	Sarawak	3,267	2,474	76%
	Sabah	6,591	4,408	67%
Jumlah MT	111,324	76,331	69%	



Usaha dan keberanian
tidak cukup tanpa
matlamat dan hala tuju.

LAPORAN LATIHAN ePEROLEHAN Mei - Jun 2012



LAPORAN LATIHAN

ePEROLEHAN Mei – Jun 2012

Mei 2012

Sebanyak satu (1) sesi latihan kejurulatihan dan lima (5) latihan kepada pengguna telah diadakan dengan perincian seperti butiran berikut:

TARIKH LATIHAN	LOKASI LATIHAN	MODUL LATIHAN	BILANGAN PESERTA
7-10 Mei 2012	Pusat Latihan ePerolehan, Cyberjaya	Sesi Latihan Kejurulatihan modul Sebut Harga, Tender dan eBidding	24 Orang
8-10 Mei 2012	IPN Sabak Bernam	Kontrak Pusat dan Pembelian Terus	24 Orang
9-11 Mei 2012	INTAN Sabah	Kontrak Kementerian	28 Orang
14-16 Mei 2012	IPN Sabak Bernam	Kontrak Pusat dan Pembelian Terus	19 Orang
15-17 Mei 2012	INTAN Selatan	Kontrak Kementerian	27 orang
28-30 Mei 2012	INTAN Timur	Kontrak Kementerian	29 orang

Jun 2012

Sebanyak empat (4) latihan kepada pengguna telah diadakan dengan perincian seperti butiran

TARIKH LATIHAN	LOKASI LATIHAN	MODUL LATIHAN	BILANGAN PESERTA
11-13 Jun 2012	INTAN Sarawak	Kontrak Kementerian	32 Orang
12-14 Jun 2012	IPN Sabak Bernam	Sebut Harga, Tender dan eBidding	23 Orang
13-15 Jun 2012	INTAN Sarawak	Kontrak Kementerian	35 Orang
18-20 Jun 2012	INTAN Utara	Kontrak Kementerian	34 Orang
-	ePerolehan, Cyberjaya	Kejurulatihan modul Kontrak Pusat dan Pembelian Terus Siri II	-



Suara
ePerolehan

Matlamat tidak bertujuan untuk **dicapai**,
ia selalunya berfungsi hanya sebagai **sasaran**.

rileksologi 3

1				7	2		6
			3		9		
7	9			8			
5		6	9	3			1
	8		1	6	5		4
			6			4	5
		2		1			
4		3	5				8

SUDOKU



Bolehkah anda mencari 5 perbezaan diantara kedua-dua gambar ini?

Semak Jawapan

4	1	3	5	7	9	6	2	8
6	5	2	8	4	1	3	7	9
8	7	9	6	3	2	1	4	5
3	8	7	1	2	6	5	9	4
9	2	1	7	5	4	8	6	3
5	4	6	9	8	3	7	1	2
7	9	5	2	6	8	4	3	1
2	6	4	3	1	5	9	8	7
1	3	8	4	9	7	2	5	6